



# Tingkat pengetahuan, teknologi elak jadi mangsa Macau Scam

**Mohamad Haziq Mohd Fauri,**  
Jabatan Perdana Menteri

**Hampir** dua dekad berlalu, tetapi kita masih lagi digemparkan dengan berita mengenai terkandasnya warga tempatan pada godaan serta tipu daya sindiket Macau Scam. Mengapakah masih terdapat sebilangan rakyat Malaysia masih berjaya diperdayakan hingga menatijahkan kerugian yang tinggi saban tahun?

Menurut rekod pihak Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK), Polis Diraja Malaysia (PDRM), sebanyak 1,585 kes penipuan Macau Scam sudah direkodkan pada 2021 yang membabitkan kerugian keseluruhan berjumlah RM580 juta.

Statistik ini amat membimbangkan, lebih-lebih lagi mangsa yang terpedaya adalah golongan warga emas yang majoritinya ialah pesara berpencen, penjawat awam serta golongan profesional muda. Persoalannya di sini, adakah rakyat Malaysia terlalu naif dan tidak pernah mengambil iktibar serta pengajaran daripada kes lampau?

Secara logiknya, sekali jalan terkena, dua kali jalan tahu. Seharusnya kita belajar daripada kesilapan mangsa terdahulu yang mudah terpedaya dengan taktik penyamaran sindiket Macau Scam.

Mereka ini pada kebiasaannya menyamar sebagai pihak pemungut cukai pendapatan, pihak mahkamah dan tidak kurang juga kononnya wakil agensi kerajaan yang ingin menghulurkan bantuan kerajaan melalui panggilan telefon.

Umum mengetahui bahawa agensi kerajaan yang berkaitan sudah giat menguar-uarkan bahawa tiada urusan rasmi kerajaan dijalankan me-

lalui panggilan telefon.

Pihak PDRM juga sudah giat melancarkan kempen serta peringatan secara berterusan seperti *Scam Alert #BeSmartStayAlert* serta talian khidmat nasihat menerusi JSJK, iaitu *CCID Scam Response Center* bertujuan memupuk kesedaran serta memastikan masyarakat sentiasa berwaspada dengan sebarang modus operandi digunakan oleh sindiket Macau Scam ini. Jika tidak sudah pasti lebih ramai rakyat Malaysia yang untung sepanjang jalan, malah sekelip mata.

Kendatipun begitu, peningkatan jumlah mangsa dan nilai kerugian terus dicatatkan saban tahun.



Sebanyak 1,585 kes penipuan Macau Scam pada 2021 membabitkan kerugian RM580 juta. (Foto hiasan)

Hal ini jelas membuktikan bahawa satu pendekatan holistik diperlukan bagi membendung kes penipuan Macau Scam daripada terus berleluasa.

Ilmu pengendalian maklumat peribadi harus dititikberatkan dalam kalangan masyarakat sejak di bangku sekolah. Hal ini kerana kebanyakan modus operandi sindiket Macau Scam meminta mangsa untuk berkongsi maklumat perbankan serta peribadi yang lain bagi membolehkan wang dalam akaun mangsa tidak dibekukan oleh pihak bank.

Selain itu, penggunaan teknologi baharu yang mampu mengesan panggilan palsu seperti aplikasi *TrueCaller* perlu diperhebat dan diperluas penggunaannya dalam kalangan masyarakat.

Oleh yang demikian, pengenalan ilmu literasi teknologi perlu diperkenalkan kepada masyarakat sejak awal lagi bagi mempersiapkan diri mereka untuk menguasai penggunaan teknologi baharu dalam mendepani cabaran kelicikan sindiket Macau Scam ini untuk memperdaya mangsanya.

Sebagai penutupnya, sindiket Macau Scam akan terus menyesuaikan modus operandinya selaras dengan peredaran zaman. Namun, mangsanya tetaplah sama iaitu orang yang tidak berhati-hati serta kurang pengetahuan mengenai pengendalian maklumat peribadi yang selamat.

Tingkatkan diri dengan ilmu pengetahuan serta ambillah langkah berwaspada bagi mengelakkan diri daripada menjadi mangsa sindiket Macau Scam. Jangan nanti tinggal kain sehelai sepinggang, tapi apa boleh buat, sakit menimpa sesal terlambat.